

Edisi Januari – Jun 2025

Kebersamaan dalam Pemerkasaan Peranan Unit Kualiti

MeQKU 2025

Pengurusan Kualiti

Taklimat Pelaksanaan Audit
Dalam PTj bersama Ketua
Sistem Audit (KSA)

Inovasi dan Pengembangan Ilmu

Kursus Pakar Rujuk Kumpulan
Inovatif dan Kreatif (KIK) Tahun 2025



eISSN 2976-2596



9 7 7 2 9 7 6 2 5 9 0 0 3

TAKLIMAT PELAKSANAAN AUDIT DALAM PTJ 2025 BERSAMA KETUA-KETUA SISTEM AUDIT

Disediakan oleh: Noor Azwani Asyikin Samad

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah menganjurkan Taklimat Pelaksanaan Audit Dalam PTj Bersama Ketua Sistem Audit (KSA) pada 20 Februari 2025 melalui platform Microsoft Teams.

Penceramah bagi sesi taklimat ini adalah Ts. Dr. Razulaimi Razali iaitu Ketua Pengurusan Kualiti, InQKA UiTM Shah Alam. Seramai 38 peserta dari seluruh kampus telah menyertai sesi taklimat ini.

Fokus utama taklimat ini diadakan adalah untuk pelarasan tema audit dalam bagi tahun 2025, pelarasan pelaksanaan audit merujuk kepada MS ISO 9001:2015 dan penggunaan templat *Integrated Internal Audit (TeiCA)* untuk pelaporan audit dalam PTj.

Tema Audit Dalam PTj 2025 adalah Kepimpinan Teras Kompetensi PTj.

Tujuan taklimat ini diadakan adalah untuk memberikan pendedahan tentang kepentingan audit dalam di PTj bagi memastikan pematuan dan pengurusan kualiti adalah mengikut standard yang telah ditetapkan dalam garis panduan MS ISO 9001:2015.

Audit Dalam PTj perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun, namun ianya bergantung kepada kekerapan pelaksanaan di PTj masing-masing mengikut kesesuaian. Bagi memastikan laporan dan pemantauan audit yang lebih bersistematik, templat *Integrated Internal Audit (TeiCA)* disarankan untuk digunakan di seluruh PTj.

Langkah ini diambil bagi meningkatkan kecekapan dalam pelaksanaan audit serta menjadikan laporan yang lebih seragam beserta pemantauan pelaksanaan Audit Dalam PTj juga dapat dilaksanakan.

Panduan dan rujukan semua PTj

Taklimat ini kemudiannya disambung dengan sesi perkongsian oleh 5 PTj iaitu daripada Kolej Pengajian Alam Bina, UiTM Cawangan Johor, UiTM Cawangan Kelantan, UiTM Cawangan Sabah dan UiTM Cawangan Sarawak.

Sesi perkongsian amalan terbaik daripada pelbagai perspektif telah dikongsi sebagai panduan dan rujukan semua PTj. Antara amalan terbaik yang dilaksanakan adalah:

- **Kolej Pengajian Alam Bina** menekankan kepentingan dokumentasi yang sistematik dan penggunaan templat audit seragam bagi memastikan pemantauan yang lebih efektif.
- **UiTM Cawangan Johor** menghadapi cabaran logistik dalam pelaksanaan audit dan mencadangkan penggunaan sesi audit secara dalam talian untuk mengatasi kekangan geografi. Kolaborasi antara PTj bagi perkongsian sumber dan kepakaran dalam melaksanakan audit yang berkesan turut diberi tumpuan.
- **UiTM Cawangan Kelantan** menekankan keperluan latihan berkala bagi auditor dan penyelarasan prosedur audit bagi mengekalkan konsistensi pematuan.
- **UiTM Cawangan Sabah** memaklumkan bahawa pelaksanaan audit adalah mengikut tema-tema yang telah ditetapkan termasuk latihan persediaan audit juga diadakan sebelum pelaksanaan Audit Dalam PTj diadakan.
- **UiTM Cawangan Sarawak** memaklumkan menggunakan method sampling untuk pelaksanaan audit serta melibatkan penulis PSRR sebagai auditor.

Dengan komitmen yang berterusan dan pendekatan audit yang lebih sistematik, UiTM dijangka dapat mencapai peningkatan kualiti yang lebih baik, selari dengan matlamat dan objektif institusi secara keseluruhan.

KUALITI

Edisi Januari – Jun 2025

HAK CIPTA DAN PENAFIAN

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. Segala informasi adalah benar dan tepat semasa penerbitan. Tiada organisasi atau mana-mana pihak boleh menyalin atau menghasilkan semula kandungan dalam majalah atau mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tanpa kebenaran bertulis daripada panel editor dan pengarang.

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam

Alamat:

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA),
Aras 5, Kompleks Al-Farabi, Universiti Teknologi MARA (UiTM),
40450, Shah Alam, Selangor



لوسيا. قنوى. موليا



<https://inqka.uitm.edu.my>



@inqka



@inqkautm



@InQKAUITM



InQKA UITM



@inqkautm6101



@inqka_uitm

eISSN 2976-2596



9 772 976 259 003